



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

**KENYATAAN MEDIA**  
**PELANTIKAN Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia,**  
**Pengerusi Lembaga Amanah Institut Keusahawanan Negara &**  
**Pengerusi Institut Koperasi Malaysia**

---

**PUTRAJAYA, 4 April 2024** – YBhg. Leftenan Jeneral (B) Datuk Ahmad Norihan bin Jalal telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Tuan Haji Mustaffa Kamil bin Ayub dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Amanah Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) berkuat kuasa 15 Mac 2024 serta YB Tuan Onn bin Abu Bakar telah dilantik sebagai Pengerusi Institut Koperasi Malaysia (IKMa) berkuat kuasa 1 Mei 2024. Ini diumumkan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

YB Datuk Ewon Benedick berkata, kementerian yakin pelantikan YBhg. Leftenan Jeneral (B) Datuk Ahmad Norihan bin Jalal dan Tuan Haji Mustaffa Kamil bin Ayub serta Tuan Onn bin Abu Bakar akan meneruskan kepimpinan dan memacu kecemerlangan dalam merencanakan agenda keusahawanan dan koperasi negara. Ini selaras dengan hasrat kerajaan ke arah pembangunan Malaysia MADANI.

YBhg. Leftenan Jeneral (B) Datuk Ahmad Norihan bin Jalal telah melalui satu perjalanan kerjaya yang cemerlang terutamanya sebagai mantan Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan Malaysia. Permulaan kerjayanya bermula di dalam Tentera Darat pada 15 Mei 1987 sebagai Ketua Platun di 302 Batalion Infantri (AW). Beliau kemudian bertukar Kor ke Kor Risik DiRaja dan ditugaskan ke Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (sekarang dikenali sebagai Malaysian Defence Intelligence Organization). Sejak itu, tempoh perkhidmatannya diwarnai dengan khidmat cemerlang yang telah melayakkan beliau memegang jawatan penting di pelbagai peringkat Tentera Darat dan Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Haji Mustaffa Kamil bin Ayub, Pengerusi Lembaga Amanah INSKEN pula merupakan mantan Pengerusi Akademi Pelatihan, Penerangan dan Penyelidikan Selangor (APSEL). Beliau yang merupakan anak kelahiran Kampong Gajah, Pasir Salak, Perak memiliki Ijazah

Sarjana Muda Kejuruteraan Genetik dan Ijazah Sarjana Sastera (Sains Politik) di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Manakala Tuan Onn bin Abu Bakar merupakan Ahli Parlimen Batu Pahat, Johor. Beliau seorang yang sangat aktif dalam masyarakat dan telah terlibat sepenuh masa dalam bidang politik dan perniagaan. Selain itu, beliau memperoleh ijazah dalam kejuruteraan awam dari Oita National College di Jepun dan pernah berkhidmat di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan ini.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**